



**PEKELILING  
KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN  
BILANGAN 24/76**

*Pihak Berkuasa Perancangan Untuk Tujuan-tujuan  
Pecah Sempadan, Pecah Bahagian dan Penyatuan Tanah*

Surat Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihati Pemungut-Pemungut Hasil Tanah mengenai penggunaan Borang- borang 9A, 9B dan 9C Kanun Tanah Negara berhubung dengan tindakan oleh sesuatu Pihak Berkuasa Perancangan.

2. Adalah didapati di beberapa pejabat tanah bahawa Pegawai Perancangan Negeri telah menjalankan kuasa-kuasa Pihak Berkuasa Perancangan dengan menandatangani Borang-borang 9A, 9B atau 9C Kanun Tanah Negara. Amalan mengiktirafkan Pegawai Perancangan Negeri sebagai Pihak Berkuasa Perancangan Negeri atau kawasan adalah tidak betul. Penggunaan yang betul bagi ruangan di Borang-borang 9A, 9B atau 9C berkaitan dengan Pihak Berkuasa Perancangan ialah bagi kes di mana pelan yang disampaikan bersama-sama dengan permohonan untuk pecah sempadan, pecah bahagian atau penyatuan tanah masih perlu diluluskan oleh Pihak Berkuasa Perancangan Negeri atau kawasan. Dalam kebanyakan kes pelan yang dikemukakan telahpun diluluskan oleh Pihak berkuasa Perancangan Kawasan, iaitu Pihak Berkuasa Tempatan dan dengan demikian ruangan borang untuk ditandatangani oleh Pihak Berkuasa Perancangan tidaklah perlu digunakan lagi.

3. Perlu difahamkan bahawa kuasa untuk merancang sesuatu kawasan tanah dalam negeri untuk tujuan-tujuan pembangunan adalah terletak pada Pihak Berkuasa Negeri. Dalam sesuatu kawasan Kerajaan Tempatan, kuasa ini akan dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan, kerana Pihak Berkuasa Negeri telah dengan peruntukan undang-undang mewakilkan kuasanya kepada Pihak Berkuasa yang berkenaan. Tetapi sesuatu kawasan di luar kuasa Pihak Berkuasa Tempatan masih tertakluk kepada kuasa perancangan Pihak Berkuasa Negeri. Dengan yang demikian bagi kawasan tersebut adalah perlu bagi Pihak berkuasa Negeri memutuskan pihak yang patut menjalankan kuasanya sebagai Pihak Berkuasa Perancangan. Jika tiada apa-apa keputusan mewakilkan kuasa yang demikian maka Pihak Berkuasa Negeri adalah Pihak Berkuasa

Perancangan dan kelulusan pelan pecah sempadan, pecah bahagian atau penyatuan mestilah dipersetujui olehnya.

4. Dengan yang demikian adalah perlu untuk memastikan bahawa sesuatu pelan pecah sempadan, pecah bahagian dan penyatuan tanah adalah diluluskan oleh Pihak Berkuasa yang sebenarnya sama ada sebelum penyampaian Borang-borang 9A, 9B atau 9C atau selepasnya dan ruangan di dalam borang-borang tersebut tidak dipenuhi jika pelan yang disampaikan itu telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Perancangan.

5. Pemungut-Pemungut adalah dengan ini dinasihatkan supaya mengambil perhatian mengenai kuasa-kuasa Pihak Berkuasa Perancangan yang diterangkan diperenggan-perenggan di atas dan memastikan penggunaan yang betul bagi Borang-borang 9A, 9B dan 9C.

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD  
NOR  
Ketua Pengarah Tanah dan Galian  
Persekutuan

P.T.TM 17/72-1

Kuala Lumpur